



DYMM Tuanku Pemangku Raja dan DYTM Raja Puan Muda Perlis amat mesra dan mengambil berat tentang kaum kerabat samada jauh mahu pun yang dekat. Kemesraan dan keharmonian yang ditunjukkan oleh Baginda berdua patut dicontohi oleh semua lapisan masyarakat.







Hasil perkongsian sebuah perkahwinan yang amat harmoni, DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis dan DYTM Raja Puan Muda setakat ini telah dirahmati dengan dua orang puteri penambat kasih. Puteri sulung, YAM Sharifah Khatreena Nuraniah kini berusia sepuluh tahun, manakala YAM Sharifah Farah Adriana pula telah berusia empat tahun. Pada usia yang begitu muda, kedua puteri telah menunjukkan potensi serta kualiti kepimpinan yang besar.





Kebahagiaan pasangan Diraja DYMM Tuanku Pemangku Raja dan DYTM Raja Puan Muda setakat ini telah dikurniakan Tuhan dengan dua orang puteri yang comel. Puteri sulung, YAM Sharifah Khatreena Nuraniah, kini berusia sepuluh tahun, manakala adindanya pula, YAM Sharifah Farah Adriana, berusia empat tahun. Kedua puteri telah mula menunjukkan bakat dan sifat-sifat "mesra rakyat" yang menjadi "trademark" kepada kerabat Diraja Perlis ini. Kedua puteri juga diberi pendedahan dan tunjuk-didik awal untuk melatih mereka menghadapi pelbagai suasana di masa hadapan.





Bersantai







Jamuan makan malam kakitangan sempena Hari Keputeraan DYTM



Istana Arau yang mempunyai sejarahnya tersendiri kini nampak lebih berseri sejak DYMM Tuanku Pemangku Raja dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis bersemayam di sana sejak awal tahun 2002. Suasana serinya ditambah lagi dengan kakitangan yang tekun dan kreatif menjalankan tugas. Mereka amat mesra dengan kedua Baginda, begitu juga sebaliknya. Setiap mereka mempunyai bakat dan kebolehan tersendiri. Bakat-bakat serta kebolehan mereka itu sentiasa dicungkil, digilap dan diketengahkan oleh Tuanku Pemangku Raja dan Tuanku Raja Puan Muda.



Riadh



Tabung Derma Tsunami





Setiap tahun sejak berangkat pulang dari perantauan pada tahun 2002 dan bersemayam di Istana Arau DYMM Tuanku Pemangku Raja dan DYTM Raja Puan Muda Perlis tidak pernah gagal menganjurkan Majlis Sambutan Aidilfitri untuk segenap lapisan masyarakat terutamanya kanak-kanak. Rakyat datang berduyun-duyun dari jauh dan dekat sebagai tanda kasih dan juga untuk beramah mesra serta bersalam-salaman dengan Baginda berdua.